# Polisi Privasi

Versi 5 (Kemas Kini Terakhir: Oktober 2026)

## 1. Pengenalan

Kami, **UOB Kay Hian (M) Sdn Bhd** serta anak-anak syarikatnya di Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada **UOB Kay Hian Wealth Advisors Sdn Bhd** (secara kolektif dirujuk sebagai "UOBKH", "kami" atau "pihak syarikat"), komited untuk melindungi privasi anda. Anda dinasihatkan untuk membaca Polisi Privasi ini dengan teliti kerana Polisi ini mengandungi maklumat mengenai jenis data peribadi yang kami kumpulkan, tujuan pengumpulan data tersebut serta cara data peribadi anda digunakan dan diproses. Dengan mengakses atau menggunakan mana-mana platform, produk, saluran, persekitaran atau perkhidmatan UOBKH (secara kolektif dirujuk sebagai "Perkhidmatan"), anda dengan ini memberikan persetujuan secara nyata terhadap pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan pemprosesan data peribadi anda selaras dengan Polisi Privasi ini. Persetujuan tersebut termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pengumpulan dan penggunaan data peribadi bagi tujuan yang dinyatakan dalam bahagian-bahagian berkaitan dalam Polisi Privasi ini. Data peribadi yang kami kumpulkan akan digunakan bagi tujuan menyediakan, mengendalikan dan menambah baik Perkhidmatan kami. Kami tidak akan menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda kepada mana-mana pihak, kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Polisi Privasi ini atau sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Melainkan ditakrifkan sebaliknya dalam Polisi Privasi ini, istilah-istilah yang digunakan hendaklah mempunyai maksud yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat kami, yang boleh diakses melalui laman web **UTRADE, UTRADE FUTURES** atau **UWEALTH**

## 2. Skop Polisi Privasi dan Perkhidmatan

Polisi Privasi ini terpakai kepada semua data peribadi yang dikumpulkan oleh UOBKH melalui Perkhidmatannya termasuk tetapi tidak terhad kepada:

Laman Web: Semua laman web rasmi yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh UOBKH, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- https://www.uobkh.com.my
- https://www.utrade.com.my
- https://cob.utrade.com.my
- https://www.uwealth.com.my

Aplikasi: Semua aplikasi berasaskan sesawang, mudah alih dan/atau komputer yang dimiliki, dibangunkan, dikendalikan atau disediakan oleh UOBKH, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

i. UTRADE MY
ii. UTRADE MY 3
iii. UTRADE Futures
iv. UWEALTH

Media Sosial: Akaun dan halaman media sosial rasmi UOBKH.

Saluran Luar Talian**:** Sebarang interaksi secara luar talian, termasuk tetapi tidak terhad kepada acara bersemuka, pameran bergerak ("roadshow") atau khidmat sokongan pelanggan.

Saluran Lain: Sebarang saluran lain yang digunakan oleh UOBKH untuk mengumpul data peribadi. Polisi Privasi ini meliputi semua data peribadi yang dikumpulkan oleh UOBKH tanpa mengira kaedah atau teknologi yang digunakan untuk mengumpulkan data tersebut.

Maklumat Penyedia Platform

UOBKH telah memperoleh hak yang sah di sisi undang-undang untuk mengedarkan serta membuat penyesuaian terhadap platform-platform digital UOBKH yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, hak harta intelek asas bagi platform tersebut, termasuk hak cipta, paten dan cap dagangan, masih dimiliki oleh penyedia atau "developer" platform yang berkenaan. Walaupun UOBKH mempunyai hak untuk mengedarkan dan membuat penyesuaian terhadap platform-platform digital tersebut, UOBKH dan penyedia platform yang berkaitan berkongsi tanggungjawab dalam menguruskan data peribadi pengguna. Tanggungjawab ini meliputi pengumpulan, penggunaan, pendedahan, pengendalian, perlindungan, pemberian akses serta kawalan ke atas data peribadi yang terkandung dalam platform tersebut. Dengan menggunakan platform digital berkenaan, anda dianggap telah mengakui dan bersetuju bahawa UOBKH serta penyedia platform yang berkaitan boleh mengumpul dan memproses data peribadi anda selaras dengan Polisi privasi masing-masing.

## 3. Jenis Data Peribadi yang Dikumpulkan

Data Peribadi

Secara amnya, kami mengumpul data peribadi daripada anda, iaitu maklumat yang boleh mengenal pasti seseorang individu secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau apabila digabungkan dengan maklumat lain, bagi membolehkan penggunaan Perkhidmatan kami.

Data Peribadi yang dikumpul oleh kami mungkin merangkumi (tetapi tidak terhad kepada) yang berikut:

1. *Data Peribadi*, seperti Nama, Nombor Kad Pengenalan, Alamat, Nombor Telefon, Alamat E-mel dan sebagainya;
2. *Data Penggunaan Aplikasi*, seperti corak penggunaan aplikasi, interaksi aplikasi, log kerosakan (crash logs) dan sebagainya;
3. *Data Peranti*, seperti model peranti, sistem operasi peranti, pengecam unik peranti dan sebagainya.

Data Bukan Peribadi

Selain daripada data peribadi, kami juga boleh mengumpul data bukan peribadi yang tidak dikaitkan dengan anda dan/atau yang bersifat tanpa nama (anonymous), contohnya bilangan pelawat laman web dan bilangan pengguna yang menggunakan sesuatu perkhidmatan tertentu.

Data ini digunakan untuk membantu kami menambah baik Perkhidmatan kami.

**4. Tujuan Pengumpulan, Pemprosesan dan Pendedahan Data Peribadi**

Pengumpulan Data

Secara amnya, data peribadi dan data bukan peribadi dikumpulkan bagi tujuan berikut:

a) Menyediakan perkhidmatan dan/atau produk kepada anda;

b) Mematuhi kewajipan undang-undang kami di bawah undang-undang yang terpakai;

c) Mendapatkan dan/atau mendedahkan sebarang Maklumat Kredit sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 berkaitan dengan anda daripada biro kredit atau agensi rujukan kredit, termasuk Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. ("EXPERIAN") atau mana-mana sumber yang difikirkan sesuai bagi mengesahkan sejarah kredit anda.

Pemprosesan dan Pendedahan Data

Kami tidak akan memproses atau mendedahkan data peribadi anda, termasuk data peribadi sensitif, kepada pihak ketiga kecuali dalam keadaan berikut:

i. Terdapat persetujuan tersirat apabila anda memberikan data peribadi kepada kami bagi membolehkan kami menyediakan akses kepada Perkhidmatan yang diminta;

ii. Untuk mematuhi kewajipan undang-undang;

iii. Untuk melindungi dan mempertahankan hak serta harta kami;

iv. Kepada pembangun platform bagi membantu mengendalikan, menyelenggara dan menyokong Perkhidmatan berkaitan (tertakluk kepada perjanjian kerahsiaan yang ketat);

v. Kepada syarikat kumpulan, rakan niaga atau kemudahan penyimpanan data termasuk tetapi tidak terhad kepada penerbit Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga;

vi. Untuk tujuan perniagaan menggunakan data bukan peribadi dan bukan individu dalam bentuk agregat, seperti berkongsi data dengan pengiklan di laman web kami atau memaklumkan rakan niaga kami mengenai bilangan pelanggan dalam kumpulan demografi tertentu yang membeli produk atau menjalankan transaksi tertentu; dan/atau

vii. Dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai di mana kami dibenarkan untuk mengumpul, memproses dan mendedahkan data peribadi tanpa persetujuan anda.

**5. Pemindahan Data Peribadi**

Sekiranya terdapat keperluan untuk memindahkan data peribadi ke luar Malaysia, sama ada kepada syarikat dalam kumpulan korporat, rakan niaga, penyedia perkhidmatan pihak ketiga atau kemudahan penyimpanan data yang berkaitan, pemindahan tersebut akan dilaksanakan selaras dengan kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) bagi memastikan data peribadi yang dipindahkan diberikan tahap perlindungan yang tidak kurang daripada tahap perlindungan yang diperuntukkan di bawah akta tersebut.

**6. Persetujuan Subjek Data**

Apabila anda memberikan data peribadi kepada kami bagi tujuan mendapatkan atau menggunakan perkhidmatan dan/atau produk yang ditawarkan, pemberian data tersebut dianggap sebagai persetujuan anda untuk kami mengumpul dan memproses data berkenaan bagi membolehkan perkhidmatan dan/atau produk

tersebut disediakan kepada anda. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu dan tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa, kami akan mendapatkan persetujuan anda secara jelas sebelum mengumpul atau memproses data peribadi tersebut. Sebagai contoh, sekiranya data peribadi anda hendak digunakan bagi tujuan baharu yang tidak dimaklumkan sebelum ini, persetujuan baharu akan diperoleh daripada anda terlebih dahulu. Anda juga berhak menarik balik persetujuan yang telah diberikan pada bila-bila masa dengan menghubungi kami melalui saluran yang dinyatakan dalam Seksyen 15.

**7. Akses kepada Data Peribadi**

Anda berhak untuk mengakses data peribadi anda tertakluk kepada hak akses yang diperuntukkan oleh undang-undang. Kami boleh mengenakan caj pentadbiran yang munasabah bagi perkhidmatan ini. Dalam keadaan tertentu, kami berhak menolak permintaan akses anda dan akan memberikan penjelasan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai.

**8. Pembetulan Data Peribadi**

Anda berhak untuk membetulkan data peribadi anda. Untuk memastikan data peribadi anda sentiasa terkini, lengkap dan tepat, sila hubungi kami (lihat Seksyen 15) atau wakil yang diberi kuasa yang mengendalikan akaun anda.

**9. Penyimpanan dan Pelupusan Data Peribadi**

Data peribadi akan disimpan untuk tempoh yang diperlukan bagi tujuan data tersebut dikumpulkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Polisi Privasi ini, atau mengikut tempoh yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang yang berkuat kuasa. Sekiranya data peribadi tersebut tidak lagi diperlukan untuk tujuan berkenaan serta tiada keperluan undang-undang atau perniagaan untuk menyimpannya, kami akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memadamkan, melupuskan atau menjadikan data tersebut tidak lagi boleh digunakan untuk mengenal pasti identiti anda.

<u>Pemadaman dan Pelupusan Data</u>

Sekiranya anda memohon supaya data peribadi anda dipadamkan/dilupuskan, kami akan mempertimbangkan dan memenuhi permohonan tersebut, tertakluk kepada sebarang keperluan perundangan yang menghendaki data tersebut terus disimpan. Kami juga berhak mengenakan caj pentadbiran yang munasabah bagi memproses permohonan tersebut. Walaupun data peribadi anda telah dipadamkan, kami masih boleh menyimpan maklumat tertentu yang telah dijadikan tanpa identiti atau dalam bentuk data terkumpul bagi tujuan audit, penyelidikan atau analisis statistik. Sebarang permohonan untuk pemadaman data peribadi hendaklah dikemukakan secara bertulis melalui saluran yang dinyatakan dalam Seksyen 15.

**10. Keselamatan Data Peribadi**

Kami telah melaksanakan prosedur keselamatan serta langkah teknikal dan organisasi yang sewajarnya bagi melindungi data peribadi anda daripada akses, perubahan, pendedahan atau pemusnahan tanpa kebenaran.

Langkah-langkah tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Firewall;
- Teknologi pensijilan pelayar (browser certification);
- Penyulitan data semasa disimpan (encryption at rest);
- Penyulitan data semasa penghantaran (encryption in transit);
- Kawalan akses terhad kepada kakitangan yang diberi kuasa sahaja;
- Penggunaan kata laluan;
- Audit keselamatan siber secara berkala;
- Pemantauan terhadap kelemahan keselamatan yang berpotensi; dan
- Latihan amalan terbaik keselamatan data kepada pekerja.

Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah dan sewajarnya untuk melindungi data peribadi anda. Walau bagaimanapun, penghantaran maklumat melalui internet tidak dapat dijamin sepenuhnya selamat. Oleh itu, kami tidak dapat memberikan jaminan mutlak terhadap keselamatan atau keutuhan data peribadi yang dihantar kepada kami atau oleh kami melalui internet.

**11. Kemas Kini Polisi Privasi**

Polisi Privasi ini mungkin ditukar dari masa ke semasa dan versi terkini akan berkuatkuasa dan menggantikan sebarang dan semua versi terdahulu, termasuk tetapi tidak terhad kepada, versi dalam talian atau salinan. Notis sebarang semakan semuala tersebut akan dikemaskini di laman web UOBKH dan/atau dengan apa-apa cara komunikasi yang lain yang dianggap sesuai oleh UOBKH.

**12. Fail Pengecam (“Cookies”)**

Cookies ialah pengecam alfanumerik yang dipindahkan ke cakera keras anda melalui pelayar web apabila anda melawat laman web kami. Cookies membolehkan sistem kami mengenal pasti anda apabila anda melawat semula laman web kami dan membantu kami meningkatkan perkhidmatan

kepada anda. Maklumat yang dikumpulkan digunakan untuk menjejaki penggunaan laman web dan menyediakan laporan statistik mengenai aktiviti laman sesawang. Untuk maklumat lanjut mengenai cookies, sila layari www.aboutcookies.org atau www.allaboutcookies.org. Cookies juga boleh digunakan untuk menyusun maklumat agregat mengenai bahagian laman web yang paling kerap dilawati. Sekiranya anda ingin menolak penggunaan cookies, anda boleh mengubah tetapan pelayar anda. Walau bagaimanapun, sesetengah ciri laman web mungkin tidak berfungsi dengan baik jika cookies dipadamkan atau dinyahaktifkan.

**13. Terma Yang Mengatasi**

Sekiranya anda telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Am atau Borang Permohonan Akaun kami~~,~~ dan terdapat ketidakselarasan antara dokumen tersebut dengan Polisi Privasi ini, Terma dan Syarat Am atau Borang Permohonan Akaun tersebut, mengikut mana yang berkenaan akan mengatasi Polisi Privasi ini.

**14. Undang-Undang yang Terpakai**

Memandangkan kami merupakan syarikat yang berdaftar di Malaysia, Polisi Privasi ini disediakan sepenuhnya menurut undang-undang Malaysia.

Kami tidak membuat sebarang representasi atau jaminan bahawa Polisi Privasi ini mematuhi undang-undang privasi negara atau bidang kuasa lain dan oleh itu Polisi Privasi ini tidak boleh ditafsirkan sedemikian.

**15. Hubungi Kami**

Sila kemukakan pertanyaan atau permohonan berkaitan hak anda secara bertulis dengan tajuk "Polisi Privasi".

Alamat:

Pegawai Perlindungan Data

UOB Kay Hian (M) Sdn Bhd

Tingkat 1, Bangunan Heng Guan171 Jalan Burmah10050 Pulau PinangMalaysia

**E-mel:** dpo_my@uobkh.com

**16. Bahasa**

Polisi Privasi ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, atau ketidakselarasan versi Bahasa Inggeris akan berkuatkuasa.

**17. Penafian**

Laman web kami mungkin mengandungi pautan ke laman web pihak ketiga. Sila ambil maklum bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap amalan privasi laman sesawang tersebut. Kami menasihatkan anda supaya membaca penyataan privasi setiap laman sesawang yang anda lawati dan yang mengumpul data peribadi.